

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR  
BILANGAN 2/1995**

=====

**KADAR PERATURAN PEMBINAAN RUMAH KOS RENDAH  
DAN RUMAH KOS SEDERHANA RENDAH BAGI PERMOHONAN  
TUKAR SYARAT TANAH KEPADA BANGUNAN (PERUMAHAN)**

-----

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan ingin memaklumkan iaitu Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor di dalam sidanganya kali ke 17/95 pada 14hb. Jun, 1995 apabila membincangkan perkara di atas telah membuat keputusan seperti berikut:-

2.1. Majlis Mesyuarat Kerajaan membincangkan dan bersetuju supaya semua permohonan tukar syarat tanah kepada bangunan (perumahan) bagi keluasan tanah 5 ekar dan ke atas hendaklah disyaratkan pembinaan rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah mengikut kadar peraturan (%) seperti berikut:

- (a) 20% rumah deret harga rendah;
- (b) 20% rumah kos sederhana rendah

2.2. Permohonan-permohonan tukar syarat tanah yang diluluskan sebelum ini di atas kadar berikut :-

- (a) 30% rumah deret harga rendah;
- (b) 20% rumah kos sederhana rendah

hendaklah dipinda kepada kadar peraturan seperti kadar yang diluluskan di perenggan 2.1.

2. Oleh yang demikian, semua Pentadbir Tanah adalah diminta supaya meletakkan syarat seperti itu di dalam perakuannya apabila menyediakan kertas EXCO yang berkaitan, iaitu bagi menggantikan syarat 30% rumah kos rendah yang sedang terpakai sekarang. Bagi permohonan yang melibatkan tanah yang luasnya lebih kurang dari 5 ekar, maka syarat tersebut adalah dikecualikan. Peraturan ini juga terpakai bagi tanah pegangan Melayu dalam Rizab Melayu.

3. Bagi kelulusan tukar syarat yang telah diberi sebelum ini yang dinyatakan oleh para 2.2. keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan tersebut, maka peraturan ini hendaklah dikenakan sehingga ke peringkat kelulusan pecah sempadan mengikut Seksyen 135 atau Seksyen 183 Kanun Tanah Negara.

4. Dengan demikian maka Pentadbir-Pentadbir Tanah adalah diminta melaksanakan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Kerajaan tersebut mulai dari tarikh Pekeliling ini.

Sekian, terima kasih.

T.T

**(HAJI MD. YUSUP BIN BADUL)**

Timbalan Pengarah Tanah dan Galian,  
Selangor Darul Ehsan.

Bertarikh : 10hb. Julai, 1995

Bil.(8)dlm.PTG.Sel.32 PT 3